

**KAJIAN TERHADAP TAHAP PERSEDIAAN PELAJAR DIPLOMA
AKAUNTANSI POLITEKNIK BERDASARKAN KRITERIA PEKERJA
YANG DIKEHENDAKI MAJIKAN DI FIRMA AUDIT**

NUR AZIYATI BT. YAHYA

Projek sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Tekonologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

TERISTIMEWA KEPADA :

Ayah Bonda tersayang

Yahya B. Othman dan Azizah Bt. Ismail “

“Terima kasih yang tidak terhingga di atas pengorbanan dan sokongan yang telah kalian berikan. Terima kasih juga kepada adik-beradik dan ahli keluarga semua”.

KHAS BUAT :

Sanuzee Shafie, Suhaila Mat Nor, Noriani Sambri, Nur Iliza Misnan, Haszlina Hashim
Noorafzarini Md. Zahari @ Che Hussin dan Syuhairah Ghani.

“Segala dorongan, sokongan dan nasihat yang telah kalian berikan menjadi satu kekuatan buatku mencapai kejayaan ini. Semoga persahabatan berkekalan”.

Rakan-rakan Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semester 3 Sesi 2003/2004

“Terima kasih di atas sokongan dan bantuan yang dihulurkan”.

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S. W. T. Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Dipanjatkan rasa penuh kesyukuran kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka terhasillah laporan Projek Sarjana ini.

Penulis ingin merakamkan penghargaan dengan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah pembimbing Projek Sarjana ini iaitu Tuan Haji Ali Bin Suradin bagi Projek Sarjana 1 serta Tuan Haji Iliyas Bin Haji Hashim bagi Projek Sarjana 2 di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakkan serta teguran yang membina sepanjang projek ini dijalankan.

Tidak dilupakan juga, penghargaan ini ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, para responden di Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan Politeknik Sultan Mu'adzam Shah, Jitra serta pihak majikan di firma audit yang terlibat dengan kajian ini.

Buat semua rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi galakan, sokongan, bantuan, dorongan dan nasihat dalam menempuh segala cabaran dan rintangan sepanjang penulis menyiapkan kajian ini. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti yang telah dicurahkan akan diberkati dan dirahmati oleh Allah. InsyaAllah.

ABSTRAK

Kajian ini “Kriteria Pekerja Yang diperlukan oleh Majikan di firma audit” dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi politeknik sebelum menceburkan diri dalam dunia pekerjaan. Tahap persediaan ini meliputi aspek kemahiran, pengetahuan serta personaliti. Aspek kemahiran meliputi kemahiran aplikasi komputer, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta penguasaan Bahasa Inggeris manakala aspek pengetahuan pula meliputi penyediaan penyata kewangan dan peranan badan-badan berkaitan perakaunan. Sampel kajian ini terdiri daripada 112 orang pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi di Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan Politeknik Sultan Mu’adzam Shah, Jitra. Instrumen dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang telah diedarkan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Data yang diperolehi kemudiannya di analisis menggunakan perisian “Statistical Package For Social Science’ (SPSS 11.0) bagi mendapatkan min dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai tahap persediaan yang tinggi dalam setiap aspek yang dikemukakan kerana skor min yang diperolehi adalah melebihi 3.0 (tahap tinggi). Ini menunjukkan bahawa para pelajar telah bersedia untuk memasuki firma audit dalam memulakan kerjaya.

ABSTRACT

The purpose of this research "*Employee Criteria Required By The Employer In Audit Firm*" is to identify the preparation of the final year students before entering the working environment. This preparation consisted of three aspects which are skill, knowledge and personality. The skills aspect consisted ability in using computer application, Information Technology and Communication, Interpersonal skills and ability to communicate in English while knowledge includes ability to prepare income statement and realized the roles of several professional bodies. The sample of this study consisted of 112 final year students of Diploma in Accountancy in Politeknik Ungku Omar, Ipoh and Politeknik Sultan Mu'adzam Shah, Jitra. Questionnaire has been chosen as an instrument to collect the data. Data were then analyzed using "Statistical Package For Social Science' (SPSS 11.0) software to compute mean and percentage. The results of this research shows that they are performed well in each aspects with mean score more than 3.0 (high level) and it shows that they are ready to work in audit firm.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENYERAHAN LAPORAN PROJEK	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7

1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop / Batasan Kajian	8
1.8	Definisi / Istilah	9
2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	13
2.2	Firma sebagai sebuah organisasi	14
2.3	Faktor-faktor yang membantu pencari kerja	16
2.4	Beberapa kategori pencari kerja	17
2.4.1	Lepasan universiti / Institusi Pengajian Tinggi	20
2.5	Kriteria pemilihan pekerja oleh majikan	20
2.6	Kemahiran yang diperlukan oleh pekerja	22
2.6.1	Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi	25
2.6.1.1	Kesan teknologi maklumat terhadap juruaudit	26
2.6.2	Kemahiran berkomunikasi	28
2.6.2.1	Penguasaan Bahasa Inggeris	29
2.7	Pengetahuan yang diperlukan oleh pekerja	30
2.7.1	Kelayakan akademik dalam bidang perakaunan.	31
2.8	Aspek personaliti yang diperlukan oleh majikan	32
2.8.1	Ciri-ciri personaliti yang mempengaruhi gelagat organisasi.	33
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	35
3.2	Reka bentuk kajian	36
3.3	Populasi dan sampel kajian	36



3.4	Instrumen Kajian	37
3.4.1	Bahagian soal selidik	37
3.4.2	Kaedah temubual	39
3.4.3	Pemilihan Skala Likert	40
3.5	Kaedah analisis data	41
3.6	Kajian Rintis	43
3.7	Andaian	45

4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis Data Latar Belakang Responden	
4.2.1	Jantina	47
4.2.2	Kaum	48
4.2.3	Umur	49
4.2.4	CGPA	49
4.2.5	Pengalaman bekerja/latihan industri di firma audit	50
4.3	Analisis data bahagian B, C dan D	51
4.3.1	Analisis persediaan pelajar dari aspek kemahiran aplikasi komputer	53
4.3.1.1	Persoalan kajian	53
4.3.2	Analisis persediaan pelajar dari aspek kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi	56
4.3.2.1	Persoalan kajian	55
4.3.3	Analisis persediaan pelajar dari aspek kemahiran Berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris	58
4.3.3.1	Persoalan kajian	58
4.3.4	Analisis persediaan pelajar dari aspek pengetahuan dalam penyediaan penyata kewangan	60
4.3.4.1	Persoalan Kajian	61



6	REKABENTUK PRODUK	
6.1	Pengenalan	87
6.2	Rekabentuk Produk	88
6.2.1	Pengumpulan Isi Kandungan	88
6.2.2	Penyusunan Isi Kandungan	89
6.2.3	Penghasilan Produk	90
6.3	Objektif Penghasilan Produk	90
6.4	Kronologi Pembinaan Produk	92
6.5	Permasalahan Dalam Membina Produk	92
6.6	Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	93
	RUJUKAN	94
	LAMPIRAN	100



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Format borang soal selidik.	33
3.2	Nilai skor berdasarkan Skala Likert	41
3.3	Bentuk analisis data pengkaji	42
3.4	Tafsiran skor min	43
4.1	Taburan responden mengikut jantina	48
4.2	Taburan responden mengikut kaum	48
4.3	Taburan responden mengikut umur	49
4.4	Taburan responden mengikut CGPA	50
4.5	Taburan responden mengikut pengalaman / latihan industri di firma audit	51
4.6	Bentuk analisis data pengkaji	52
4.7	Tafsiran skor min	52
4.8	Skor min dan sisihan piawai bagi kemahiran aplikasi komputer	54
4.9	Skor min dan sisihan piawai bagi kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	57
4.10	Skor min dan sisihan piawai bagi kemahiran berkomunikasi	59
4.11	Skor min dan sisihan piawai bagi pengetahuan dalam penyediaan penyata kewangan	61

4.12	Skor min dan sisihan piawai bagi pengetahuan berkaitan badan-badan perakaunan	65
4.13	Skor min dan sisihan piawai bagi aspek personaliti	67



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH MUKASURAT	TAJUK	
2.1	Pembolehkan perilaku dan prestasi individu	15
2.2	Golongan pencari kerja	19
6.1	Carta alir proses pembentukan produk	88
6.2	Kronologi pembinaan produk	92



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang soal selidik	100
B	Soalan temubual majikan di firma audit	110
C	Keputusan kajian rintis	111
D	Keputusan bahagian A, B, C dan D soal selidik	117
E	Kriteria Pekerja Yang Diperlukan Majikan Di Firma Audit	121



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam dunia moden yang serba mencabar ini bidang pekerjaan amat penting kepada kebanyakan orang. Menurut Mohd Yahya dan Roseliza Murni (2002), setiap orang ingin bekerja mengikut tujuan masing-masing seperti minat, mencari kepuasan diri, memperoleh sumber kewangan, memupuk sumber sokongan sosial, membina identiti dan harga diri dan seterusnya memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan matlamat negara untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020. Perkara ini telah diwar-warkan oleh beliau dalam salah satu daripada kertas kerjanya yang bertajuk "Malaysia: Melangkah Ke Hadapan (Wawasan 2020)" yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama Majlis Perniagaan Malaysia pada tahun 1991 yang lalu (Aede Hatib, 1999). Wawasan tersebut secara tidak langsung telah meletakkan sasaran negara untuk menjadikan perindustrian sebagai teras kepada pembangunan negara.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapatlah kita lihat betapa pentingnya keperluan sumber manusia di mana ia dengan sendirinya merupakan cabaran yang besar kepada latihan teknik dan vokasional. Ini adalah selari dengan pandangan Siti dan Nor Azizah (1995) dalam Aede Hatib (1999), iaitu "Pendidikan vokasional semakin penting dalam era pembangunan ekonomi dan sosial negara. Di mana-mana negara yang sedang pesat membangun keperluan tenaga profesional dan separa profesional amat diperlukan bagi menentukan kesinambungan pembangunan negara. Mereka adalah teras pembangunan."

Negara kita yang semakin pesat membangun amat memerlukan sumber manusia yang dapat digunakan dalam pelbagai sektor termasuk perkhidmatan, perindustrian, perusahaan, pengangkutan, komunikasi, teknologi maklumat, pembuatan dan pertanian sama ada di sektor awam atau swasta. Justeru itu, kita harus mengambil langkah yang positif untuk menentukan supaya pekerja di negara kita dapat digerakkan dengan berkesan untuk meningkatkan kemampuan, rangsangan, serta sikap yang positif bagi menghadapi segala cabaran yang akan merintang kemajuan negara ini pada masa akan datang (Syed Othman Alhabshi, 2000).

Pertumbuhan di dalam ekonomi dan industri Malaysia adalah bergantung kepada keupayaan kita untuk mempertahankan kadar produktiviti yang tinggi dan daya saingan di arena antarabangsa. Daya saingan dan produktiviti industri pula bergantung pula kepada adanya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan bermotivasi tinggi.



PTAA
PERBUSTAKSIAN TUNKU TUN AMINAH

1.2 Latar Belakang Masalah

Wawasan 2020 telah disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 di persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia. Dalam ucapannya, beliau berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian dan negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu, unsur-unsur penting yang ada untuk merealisasikan wawasan ini adalah sumber tenaga manusia. Hanya melalui kebolehan, kemahiran dan daya usaha rakyatnya sahaja sesebuah negara boleh menjadi maju. Oleh itu, apa yang perlu dilakukan adalah menumpukan sepenuhnya kepada pembangunan sumber tenaga manusia terutama dalam bidang teknik dan vokasional (Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999).

Oleh sebab 'trend akan datang dalam sektor perindustrian adalah menuju ke arah industri *bio-tech*, *mic-tech*, *hi-tech* dan teknologi maklumat, maka sumber tenaga manusia yang diperlukan pada masa akan datang ialah pekerja yang mempunyai pengetahuan, kebolehan dan kemahiran yang tinggi, serta tahu akan keseluruhan proses pengetahuan. Menurut Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999), pekerja-pekerja masa depan mesti memahami proses keseluruhan pengeluaran jika mahu memainkan peranan yang lebih efektif. Di samping itu, pekerja-pekerja ini juga meatalah fleksibel, sanggup belajar atau dilatih semula untuk menambahkan pengetahuan yang sedia ada dan mesti mempunyai pelbagai kemahiran.

Pada masa akan datang juga, didapati sektor perindustrian akan menggunakan peralatan dan automasi yang canggih terutama daripada teknologi yang diimport. Maka negara ini memerlukan pekerja yang berkemahiran tinggi bagi mengendalikan peralatan ini. Oleh itu, jenis pekerja yang diperlukan adalah pekerja yang mempunyai kelulusan ijazah, diploma atau sijil lepasan SPM terutama dalam bidang vokasional dan teknologi (Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999).

Bagi pekerja-pekerja di bahagian pengurusan pula, ia mestilah mempunyai kemahiran dan kebolehan dalam bidang keusahawanan, teknologi maklumat dan pemasaran kerana pada masa itu, perniagaan atau pemasaran tidak ada lagi batasan geografi, tetapi perniagaan dan pasaran barang keluaran perindustrian tempatan perlu menerokai pasaran antarabangsa kerana dunia dianggap sebagai *Global Village*.

Justeru itu, kita harus mengambil langkah positif untuk menentukan supaya sumber manusia di negara kita dapat digerakkan dengan berkesan untuk meningkatkan kemampuan, rangsangan serta sikap yang positif bagi menghadapi segala cabaran yang akan merintang kemajuan negara ini pada masa akan datang. Antara golongan yang terpenting diberi perhatian ialah mahasiswa. Menurut Syed Othman Alhabshi (2000), oleh kerana mereka terdiri daripada pelajar dari pelbagai bidang pengajian, mereka akan berkecimpung dalam hampir setiap sektor ekonomi, termasuk sektor awam, korporat, perniagaan, perkilangan, pembinaan, kewangan dan bank, dan sebagainya.

Mereka juga akan terlibat di dalam pertubuhan-pertubuhan sosial dan politik di negara. Oleh kerana taraf pelajaran mereka yang tinggi, mereka akan bertugas di peringkat pertengahan dan atasan di dalam sektor-sektor tadi. Malahan merekalah yang bakal menerajui berbagai-bagai institusi, termasuk parti-parti politik yang akan mempengaruhi kehidupan masyarakat akan datang. Sekiranya mereka ini tidak mendapat perhatian sewajarnya, segala usaha ke arah kemajuan negara boleh dijejaskan oleh bakal pemimpin ini.



PTTA
PERSUATAN TINDAKAN AMINAH

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam Rancangan Malaysia ke 6 telah dinyatakan bahawa matlamat pembangunan sumber tenaga manusia adalah merupakan teras utama dalam pembangunan negara kerana pencapaian matlamat sosioekonomi bergantung kepada terdapatnya tenaga kerja yang berpendidikan mahir dan boleh dilatih (Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999). Sehubungan dengan itu, untuk melatih, membentuk tenaga kerja yang diperlukan ke arah negara perindustrian, sumber tenaga manusia ini perlu dibangunkan dan dilatih supaya mempunyai sikap kerja yang betul dan nilai-nilai positif seperti ikhlas, berdisiplin, serta tentulah tenaga manusia yang cekap, berkemahiran dan berpengetahuan serta profesional bagi memenuhi matlamat Wawasan 2020.

Menurut Mohd Yahya & Roseliza Murni (2002), tahap kesedaran pekerjaan yang tinggi di kalangan pelajar dapat membantu pelajar untuk menceburi pekerjaan yang bersesuaian dengan minat, personaliti dan seterusnya dapat mengoptimumkan kepuasan peribadi terhadap kerjaya masing-masing. Justeru itu, setiap aspek-aspek ini merupakan cabaran kepada para pelajar dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi alam pekerjaan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, didapati bahawa persediaan pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan adalah penting untuk bersaing dengan graduan lain. Oleh itu, pengkaji ingin melihat sejauh manakah persediaan pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi politeknik sebelum memasuki alam pekerjaan berdasarkan kriteria yang dikehendaki oleh majikan di firma audit bagi memenuhi sumber tenaga manusia yang berkemahiran tinggi serta berpengetahuan.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dibuat bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan seperti berikut :

- 1.4.1 Apakah kriteria-kriteria pekerja yang diperlukan oleh majikan di firma audit?
- 1.4.2 Sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek kemahiran aplikasi komputer?
- 1.4.3 Sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)?
- 1.4.4 Sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek kemahiran berkomunikasi dan berbahasa Inggeris?
- 1.4.5 Sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek pengetahuan penyediaan penyata kewangan?
- 1.4.6 Sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek pengetahuan badan-badan berkaitan perakaunan?
- 1.4.7 Sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek personaliti?



PTIAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

- 1) Mendedahkan kepada para pelajar kriteria sebenar seorang pekerja yang menjadi pilihan majikan di firma-firma audit dari aspek kemahiran, pengetahuan dan personaliti.
- 2) Mengenalpasti sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek kemahiran aplikasi komputer.
- 3) Mengenalpasti sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- 4) Mengenalpasti sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek kemahiran berkomunikasi dan berbahasa Inggeris.
- 5) Mengenalpasti sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek pengetahuan penyediaan penyata kewangan.
- 6) Mengenalpasti sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek pengetahuan badan-badan berkaitan perakaunan.
- 7) Mengenalpasti sejauh manakah persediaan pelajar Diploma Akauntansi politeknik dari aspek personaliti.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada dapatan kajian yang bakal dijalankan akan dapat membantu :

- 1) Pelajar dalam mempersiapkan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan yang sebenar.
- 2) Politeknik
 - a) Sebagai panduan kepada Politeknik untuk menilai sejauh manakah mereka telah membantu para pelajar dalam membuat persediaan memasuki dunia pekerjaan.
 - b) Memperbaiki serta mempertingkatkan segala aspek kelemahan yang mungkin wujud dikalangan pelajar berkaitan dengan kriteria yang diperlukan.

1.7 Skop / Batasan Kajian

Batasan kajian yang wujud di dalam kajian ini ialah :

- a) Kajian hanya akan dilakukan ke atas para pelajar semester akhir Diploma Akauntansi di Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh, Perak dan Politeknik Sultan Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah. Pemilihan pelajar semester akhir ini sebagai responden adalah kerana mereka bakal memasuki alam pekerjaan selepas tamat pengajian. Selain itu, kandungan kurikulum Diploma Akauntansi yang ditawarkan adalah sama di semua politeknik di Malaysia dan oleh itu, pengkaji menghadkan kajian hanya di dua buah politeknik sahaja.

- b) Kajian ini hanya memfokuskan kepada kriteria-kriteria pekerja yang diperlukan oleh majikan dalam organisasi pekerjaan dari aspek kemahiran, pengetahuan dan juga personaliti.
- c) Dari aspek kemahiran, pengkaji menghadkan kepada kemahiran aplikasi komputer, kemahiran ICT dan komunikasi serta kemahiran berkomunikasi dan berbahasa Inggeris.
- d) Dari aspek pengetahuan pula, pengkaji menghadkan kepada pengetahuan terhadap penyediaan penyata-penyata kewangan serta pengetahuan terhadap badan-badan yang berkaitan dengan perakaunan.

1.8 Definisi Istilah dan operasional :

1.8.1 Kriteria

Menurut Gilmer (1977) dalam Arifin Haji Zainal (1985), kriteria bermaksud pengukur yang boleh membanding dan menilai prestasi manakala berdasarkan Blum dan Naylor (1968) dalam Arifin Haji Zainal (1985) pula, mereka mendefinisikan kriteria sebagai pengukur prestasi, sikap dan motivasi seseorang.

Menurut Ishak Mad Shah (2002), untuk menilai ciri-ciri individu ini supaya dapat membezakan antara satu sama lain adalah dengan menggunakan kriteria. Kriteria adalah satu piawai untuk menilai kualiti seseorang.

1.8.2 Firma Audit

Firma audit merupakan satu organisasi yang memberikan perkhidmatan audit dan perkhidmatan perakaunan yang lain kepada pihak yang memerlukannya. Menurut Takiah Iskandar (2001), struktur organisasi firma audit adalah berbeza daripada struktur organisasi yang lain. Struktur organisasi firma ini disesuaikan dengan jenis aktiviti yang dijalankan yang biasanya meliputi lima jenis perkhidmatan utama iaitu audit, percukaian, perakaunan, kesetiausahaan dan pentadbiran.

1.8.3 Pekerjaan

Menurut Udy (1970) dalam Arifin Haji Zainal (1985), pekerjaan merupakan sebarang usaha bermatlamat oleh manusia untuk mengubahsuaikan persekitaran fizikal mereka manakala *A Modern Dictionary Of Sociology* dalam Arifin Haji Zainal (1985), pekerjaan didefinisikan sebagai aktiviti yang dilakukan berterusan bagi mendapat pendapatan tetap untuk keperluan hidup seharian. Justeru itu, pekerjaan dapatlah didefinisikan sebagai sesuatu usaha yang dilakukan dimana ia mempunyai matlamat atau tujuan tertentu untuk dilaksanakan.

1.8.4 Personaliti

Menurut Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (1997), personaliti merujuk kepada kemahiran sosial di mana mengikut pengertian ini, personaliti seseorang dinilai melalui cara dia berjaya mendapat tindak balas yang positif daripada orang lain dalam pelbagai situasi. Dalam pengertian ini juga, seseorang

yang dapat berhubung secara menarik dengan orang lain dikatakan mempunyai personaliti yang menarik.

Selain itu, menurut Warren & Carmichael (1930) dalam Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (1997), personaliti dapat ditakrifkan sebagai organisasi dinamik dalam diri individu yang terdiri daripada sistem psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaiannya kepada persekitarannya. Oleh itu, pengkaji membuat kesimpulan bahawa personaliti merupakan cara penampilan seseorang individu itu untuk mendapat perhatian daripada orang lain.

1.8.5 Komunikasi

Menurut Md. Zhahir Kechot (2000), komunikasi merupakan suatu proses dimana dalam proses tersebut manusia cuba berkongsi pengertian melalui penghantaran mesej secara simbolik, isyarat, bunyi, huruf, nombor atau perkataan. Melalui proses komunikasi, maklumat dapat disampaikan daripada seseorang kepada orang lain.

Menurut S. Bernard Rosenblatt pula dalam bukunya *Communication In Bussiness* dalam Jaafar Muhamad (1998), komunikasi didefinisikan sebagai pertukaran idea, pendapat, maklumat, hubungan dan sebagainya yang mempunyai tujuan dan dipersembahkan secara personal atau tidak personal melalui simbol atau isyarat yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi. Maka, dapatlah dirumuskan bahawa komunikasi adalah proses penyebaran maklumat untuk disampaikan kepada satu pihak yang lain di mana setiap mesej yang dihantar mempunyai tujuan tertentu.

RUJUKAN

Ab. Aziz Yusof (2000). *Pengurus dan gelagat organisasi abad menjelang 21*.
Petaling Jaya : Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Abdullah Haji Ahmad Badawi (2003). *Majlis pelancaran kumpulan wang amanah pelajar Malaysia*.
http://www.pmo.gov.my/ebNotesApp/tpmmain.nsf/hv_TPMKiniSemasa/75E752FA711A18B748256D72001334FC. Dicapai pada 6 Ogos 2003.

Adam Salleh (2003). *Graduan melayu tak pandai bercakap. Malu punca menganggur*. Harian Metro, 19 Januari 2003.

Aede Hatib Bin Musta'amal (1999). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) dalam pembangunan sumber manusia di Malaysia*.
<http://members.tripod.com/~aede/HRD2.htm>. Dicapai pada 13 Januari 2003.

Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif (2002). *Kesan teknologi maklumat terhadap bidang pengauditan*.
<http://www.angelfire.com/id/idzwan/download/audit.doc>. Dicapai pada 13 Januari 2003.

Ainon Mohd. (2003). *Bagaimana hendak mendorong semangat bekerja*. Bentong :
PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Alreck, P. L & Settle, R. B (1995). *The Survey Research handbook. Guidelines and Strategies For Conducting a Survey. Second Edition.* United States : McGraw Hill.

Arifin Haji Zainal (1985). *Pekerja dan pekerjaan : Pendekatan psikologi personel.* Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Aziz Salleh (1998). *Panduan komunikasi dan pengurusan cemerlang.* Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Chek Mat (2000). *Pengurusan kerjaya.* Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.

Gillham, B. (2000). *Developing a questionnaires.* London : Wellington House.

Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (1997). *Psikologi personaliti.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hizamnuddin Awang (1998). *Intranet sumber maklumat korporat.* Dewan Ekonomi, Januari.

Idris Awang (2001). *Kaedah penyelidikan : Suatu sorotan.* Petaling Jaya : Intel Multimedia and Publication. h 8-93.

Ishak Mad Shah (2002). *Pengenalan psikologi industri & organisasi.* Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Intipati ucapatama Ketua Audit Negara semasa persidangan pegawai-pegawai kanan pada 30 hingga 31 Januari 2002.

<http://www.audit.gov.my/audit/BM/Perucapan/intipati%20ucaputama%20KAN-persidangan%20pengarah%20bil%201-2002.pdf>. Dicapai pada 21 Januari 2003.

Jaafar Muhamad (1998). *Asas pengurusan*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd

Jaafar Muhamad, Mohd. Hizan Hanafiah & Zafir Mohd. Makhbul (2000). *Pengantar pengurusan*. Kuala Lumpur : Leeds Publications.

Jenner S. (2000) *The graduate career handbook : Make the right start for a bright future*. Great Britain : Prentice Hall.

Md. Zhahir Kechot (2000). *Ekonomi dan pengurusan organisasi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Yahya Mohamed Ariffin & Roseliza Murni Ab. Rahman (2002). *Melangkah ke dunia pekerjaan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.

Muhyiddin Bin Mohd Yassin (2002). *Ucapan perasmian 100 tahun penubuhan Sekolah Tinggi Muar*.
<http://highschoolmuar.hypermart.net/100tahun/ucapan482002.html>. Dicapai pada 22 Julai 2003.

Mustafa Haji Daud (1996). *Etika pengurusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.

Narimah Ismail & Saodah Wok (2002). *Kursus komunikasi organisasi*.
Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd. h 1-45.

Norhayati Sidikah Abu Bakar (2002). *Penguasaan ICT suburkan budaya ilmu*.
Berita Harian, 28 Ogos 2002.

Norliza Mat Abu (2000). *Tahap kompeten pelajar dalam menghadapi alam pekerjaan : Satu kajian kes*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Razali Mat Zin (1999). *Pengurusan organisasi kerja*. Sintok : Universiti Utara Malaysia

Samsudin Wahab (2003). *Pengurusan dan teknologi pejabat*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Shahril @ Charil Marzuki (1999). *Isu pendidikan di Malaysia : Sorotan dan cabaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.

Siti Norazian Miskam (2003). *Panduan penulisan objektif eksplisit dalam perancangan pengajaran bagi guru-guru pelatih Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Supian Ali, Rahmah Ismail & Muhammad Anuar Adnan (1997). *Pembangunan sumber manusia di Malaysia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Othman Alhabshi. *Pembentukan mahasiswa cemerlang: Satu persediaan menjelang tahun 2020*.
<http://www.sc.com.my/html/resources/annual/ar2001/Tadbirurus.pdf>.
Dicapai pada 21 Februari 2003.

Takiah Iskandar (2001). *Asas pengauditan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Marina Wan Mohd. Nowalid (2003). *Persediaan kerjaya pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi dalam melahirkan k-workers : Satu tinjauan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Wong Huey Siew (2000). *Bagaimana menjadi pekerja cemerlang?*. Dewan Ekonomi : Julai 2000.

Yusup Hashim (1998). *Teknologi pengajaran*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zafir Mohd. Makhbul & Fazilah Mohamad Hasun (2003). *Pengambilan dan pemilihan pekerja dalam organisasi*. Kuala Lumpur : Leeds Publications.

Zaini Bt. Ahmad (1999). *Memahami tanggungjawab juruaudit syarikat.*

<http://www.angelfire.com/ut/uitmsegamat/audit.html>. Dicapai pada 13 Januari 2003.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH